

06 APR 1999

Abdullah-Mahathir

DR MAHATHIR STABIL DAN MASIH BEREHAT, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 6 April (Bernama) -- Keadaan kesihatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dimasukkan ke Institut Jantung Negara (IJN), Jumaat lepas adalah stabil, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

"Beliau stabil dan masih berehat," katanya kepada pemberita semasa ditanya mengenai keadaan Dr Mahathir di lobi Parlimen di sini.

Abdullah berkata beliau menghubungi IJN pagi ini mengenai keadaan Dr Mahathir dan diberitahu bahawa Dr Mahathir perlu berehat.

"Tiada apa yang harus dibimbangkan buat masa ini. Saya berpendapat beliau perlu diberi peluang berehat secukupnya.

"Kita semua tahu jika Perdana Menteri dibenarkan keluar awal dari hospital, beliau pasti akan menganjurkan banyak perkara dan cuba melakukan pelbagai urusan, tetapi pihak hospital berpendapat beliau perlu berehat," katanya.

Ditanya bila agaknya Dr Mahathir akan dibenarkan keluar hospital, Abdullah berkata beliau tidak tahu bila dan ia bergantung kepada keputusan hospital.

"Sudah pastinya beliau memerlukan banyak rehat. Jika kita serahkan kepada Perdana Menteri, beliau mahu keluar sekarang juga. Beliau memang begitu...beliau tidak sabar untuk kembali ke pejabat membuat kerjanya tetapi para doktor berpendapat beliau perlu berehat." katanya.

Dr Mahathir dimasukkan ke IJN kerana infeksi paru-paru selepas mengerjakan haji di Makkah dan dinasihatkan doktor supaya berehat secukupnya.

Ditanya mengenai cakap-cakap bahawa Perdana Menteri sakit teruk, Abdullah berkata: "Tak adalah...ini cerita-cerita yang tidak patut direka. Tak eloklah cakap begitu."

Abdullah yang juga Menteri Dalam Negeri turut ditanya sama ada bekas ketua pemuda Umno Pulau Pinang Dr Abdul Rahim Ghouse telah ditahan, beliau berkata: "Saya tidak dengar sebarang berita yang Abdul Rahim telah ditahan."

-- BERNAMA

HS RON